

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN KHAIRUL AZWAN HARUN

TARIKH : 08 MEI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 76

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh manakah keberkesanan penambahan kamera AES dalam mengurangkan kemalangan jalan raya.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pada masa ini, terdapat empat puluh lima (45) kamera AwAS yang beroperasi iaitu 29 kamera had laju dan 16 kamera lampu.

2. Secara keseluruhannya, pelaksanaan sistem AwAS berjaya mencapai objektifnya iaitu untuk mendidik pemandu untuk mematuhi peraturan jalan raya di kawasan/lokasi terlibat. Antara penemuan-penemuan positif kajian termasuklah:
 - (i) Penurunan peratusan jumlah kesalahan pemandu memandu laju yang menyumbang kepada kemalangan maut daripada 24% kepada 13%;

 - (ii) Peningkatan jumlah pemandu yang mematuhi peraturan had laju daripada 63% sebelum pemasangan kepada 95% selepas pemasangan kamera AwAS;

 - (iii) Peningkatan jumlah pemandu yang mematuhi peraturan lampu isyarat daripada 96% sebelum pemasangan kepada 98% selepas pemasangan;

 - (iv) Merekodkan jumlah penurunan jumlah kemalangan secara keseluruhan sebanyak 40% di lokasi kamera had laju (iaitu 85 kemalangan sebelum pemasangan kepada 59 kemalangan selepas pemasangan);

NO. SOALAN: 76

- (v) Merekodkan jumlah penurunan jumlah kemalangan secara keseluruhan sebanyak 38% di lokasi kamera lampu isyarat (iaitu 210 kemalangan sebelum pemasangan kepada 130 kemalangan selepas pemasangan); dan
 - (vi) Peningkatan persepsi ditangkap (POBC) pengguna jalan raya 7.36 (daripada 6.94) di lokasi kamera had laju dan 7.02 (daripada 6.25) di lokasi lampu isyarat sebelum dan selepas pemasangan.
3. Berdasarkan kepada kajian mengenai sikap pengguna jalan raya ke atas pelaksanaan AES oleh MIROS (2015), 88% daripada koresponden menyatakan bahawa mereka akan memandu dengan lebih berhemah sekiranya kamera AES dipasang dalam kawasan mereka, manakala 87% bersetuju bahawa pemandu yang memandu melebihi had laju wajar dikenakan hukuman yang berat untuk mendidik mereka daripada berbuat demikian.
4. Dalam kajian yang dijalankan oleh MIROS dalam tahun 2018, di lokasi persimpangan lampu isyarat yang dipasang kamera AwAS, terdapat penurunan dalam kadar pelanggaran lampu isyarat dua (2) tahun selepas pemasangan kamera berbanding trend kenaikan kemalangan berterusan dalam tempoh empat (4) tahun sebelum kamera dipasang.

Sekian, terima kasih.